



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: KOSMO (INFINITI)		
TARIKH	: 16/5/2018	MUKA SURAT	: 30
JABATAN	: PERHILITAN		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

POKOK-POKOK nangka ditanam di Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun, Selangor baru-baru ini untuk dijadikan sumber makanan tapir.



PANDANGAN sayu seekor tapir Malaya yang pernah dirakamkan media sebelum ini. - Gambar hiasan



ABD. RAHIM

HARI itu hari yang cukup istimewa bagi Foo Hwei Jiek. Setelah teruja menyaksikan ibu tapir, Mala dan anaknya, Eli menikmati daun-daun nangka penuh berselera, Hwei Jiek kemudiannya menanam anak pokok nangka yang menjadi makanan sinonim hidupan liar unik tersebut.

Wanita yang merupakan Ketua Perdagangan Watsons Malaysia itu berasa cukup terharu. Watsons merupakan rangkaian farmasi terkenal di negara ini.

"Sudah lama saya teringin untuk menanam pokok, akhirnya hari ini saya dapat melakukannya. Walaupun ia cumalah pokok yang kecil, maknanya cukup besar bagi saya.

"Apa yang ditanam ini diharapkan akan tumbuh sebagai sumber makanan tapir-tapir untuk membolehkan ia menjadi tatapan generasi akan datang," katanya kepada *Kosmo!* ketika ditemui usai acara penanaman pokok nangka bagi konservasi tapir di Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun, Selangor.

Sehari sebelum Hari Tapir Sedunia yang disambut pada 27 April lalu, seramai 15 pekerja Watsons

Tanam pokok nangka demi kelestarian tapir Malaya

Tapir Malaya dikhuatiri akan pupus apabila bilangannya di negara ini kian berkurangan dari sekitar 1,100 hingga 1,500 ekor pada 2013 kepada kira-kira 600 ke 700 ekor sahaja pada masa ini.

bersama sekumpulan media telah ke pusat konservasi tersebut untuk menunjukkan keprihatinan terhadap haiwan di ambang kepupusan itu.

Pada hari tersebut juga, Watsons telah menyampaikan sumbangan cek sebanyak RM30,524 hasil kutipan kempen *We Hug Tapir* yang telah dikumpul daripada pelanggan-pelanggan Watsons sejak 27 Mac lalu. Cek disampaikan kepada Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Ekopelancongan dan Konservasi Malaysia (Ecomy), Sebastian Andrew.

Dalam kempen yang merupakan kolaborasi Watsons, Pocotee & Friends dan Ecomy itu, setiap RM1 daripada jualan produk penjagaan diri *Naturals by Watsons* disumbangkan untuk program pendidikan alam sekitar bagi pemuliharaan tapir Malaya.

Spesies terbesar

Selain penyampaian cek dan penanaman



KEJADIAN tapir dilanggar kenderaan turut mengundang kepada kepupusan haiwan itu. - Gambar hiasan

kira-kira 20 pokok nangka, para peserta turut berpeluang melihat tapir dan mendengar penerangan mengenai haiwan itu daripada **Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Selangor, Abd. Rahim Othman.**

Tapir Malaya atau *Tapirus indicus* ialah haiwan unik yang dikenal pasti dengan warna hitam dan putih pada tubuhnya. Ia terdapat di Semenanjung Malaysia, Myanmar, Thailand dan Indonesia.

Di dunia ini terdapat lima spesies tapir dengan tapir

Malaya merupakan spesies terbesar.

Walaupun tapir bukanlah sejenis haiwan yang lazim digelar terbesar, Abd. Rahim berkata, ironinya itulah mamalia paling besar di Selangor dan kini disifatkan terancam.

"Di Selangor, mamalia paling besar kita ada inilah (tapir). Haiwan mamalia lain semua sudah pupus, gajah sudah hampir tidak ada. Di negeri-negeri lain ada juga mamalia lain.

"Tapir pun sedang terancam secara kritikal. Pada tahun 2013, bilangannya di



ANTARA tapir Malaya yang terdapat di Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun, Selangor.



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO (INFINITI)
TARIKH	:	16/5/2018
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

negara ini antara 1,100 hingga 1,500 ekor, namun kini cuma 600 hingga 700 ekor kerana habitatnya yang berkurangan," katanya.

Dilanggar kenderaan

Abd. Rahim berkata, selain pembangunan komersial antara ancaman lazim yang dideritai tapir ialah dilanggar kenderaan.

"Dari 2006 hingga sekarang, ratusan tapir telah terbunuh di jalan raya dan di Selangor jumlahnya adalah sebanyak 12 ekor. Pada tahun ini sahaja dua ekor tapir telah terbunuh di jalan raya. Walaupun ada papan tanda hati-hati tapir melintas, tapi tetap berlaku pelanggaran, ini juga mungkin kerana tapir suka keluar pada waktu malam.

"Tapir memerlukan kawasan yang luas untuk berkeliaran mencari makan. Kalau hutan itu tidak begitu kaya dengan makanannya, ia akan keluar dari habitat lalu berlaku konflik dengan manusia," katanya.

Menurutnya di Selangor, rata-rata hutan besar di negeri ini dipercayai menjadi habitat tapir seperti hutan simpan Raja Musa, Semenyih, Bukit Gading dan Hulu Langat.

Mengenai pusat konservasi tapir di Sungai Dusun itu, Abd. Rahim berkata, sebelum ini, ia merupakan tempat konservasi badak Sumatera tetapi kini haiwan itu boleh dikatakan sudah pupus di Semenanjung Malaysia.

"Oleh kerana ia tidak ada lagi, kini kita fokus kepada tapir. Di sini selain membuat pembiakan, ia juga menjadi pusat menyelamatkan tapir-tapir yang sakit, cedera dan sebagainya kerana tapir tinggal di tanah rendah dan sering berkonflik dengan manusia. Pada masa ini, ada sembilan ekor tapir di pusat ini.

"Tapir yang sudah pulih atau sihat



PARA peserta termasuk staf Watsons dan pengamal media bergambar kenangan bersama replika cek sumbangan kempen *We Hug Tapir* di Pusat Konservasi Hidupan Liar, Sungai Dusun baru-baru ini.

biasanya dilepaskan ke Taman Negara, Pahang atau hutan-hutan berhampiran," katanya.

Abd. Rahim berkata, makanan kegemaran tapir ialah daun nangka atau pokok-pokok yang bergetah. Selain itu, ia makan daun-daun lain seperti senduduk, dan balik angin.

Kesedaran

Abd. Rahim memuji usaha yang dilaksanakan Watsons itu dan mengalu-alukan penglibatan orang ramai dalam usaha memulihara tapir.

"Saya amat berterima kasih dan berbesar hati kerana Watsons telah maju selangkah untuk sama-sama membantu kita meningkatkan kesedaran dan menyumbang kepada program-program konservasi.

"Saya harap, dari semasa ke semasa, penglibatan antara orang awam dan agensi-agensi berkenaan dipertingkatkan untuk memelihara hidupan liar terutama tapir, kerana saya percaya usaha konservasi adalah usaha berpasukan dan tidak boleh berharap kepada satu pihak sahaja," katanya.

Sebenarnya, program yang diadakan Watsons ini adalah program bagi tahun kedua selepas kali pertama melakukan kempen berhubung konservasi tapir pada tahun lalu.

Pengarah Pelanggan Watsons Malaysia, Danny Hoh berkata,



PUSAT Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun ini terletak di Hulu Selangor.

Watsons percaya harus memainkan peranan dalam memberi impak kepada konservasi hidupan liar dan alam sekitar.

"Kami mengambil peluang ini untuk terus mendidik pelanggan-pelanggan tentang kewujudan tapir Malaya, spesies yang sedang berdepan ancaman disebabkan aktiviti komersial manusia. "Tapir menjadi bahagian penting dalam ekosistem iaitu sebagai penyebar biji benih dan merupakan salah satu daripada hidupan liar tertua yang kehidupannya masih bertahan dalam dunia haiwan," katanya.

Berpeluang melihat tapir, penulis menyedari ia haiwan yang istimewa. Jika beruang panda yang berwarna hitam dan putih itu terlalu diagung-agungkan, mengapa tidak tapir Malaya?

INFO**Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun**

- Ia terletak di Rezab Hidupan Liar Sungai Dusun, Hulu Selangor yang ditubuhkan sejak 1964. Jaraknya kira-kira 120 kilometer dari Kuala Lumpur
- Pada awalnya digunakan untuk melindungi badak Sumatera. Kini dibuka kepada orang ramai dengan syarat perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Perhilitan
- Antara hidupan liar yang ditempatkan di pusat ini ialah tapir, sejenis buaya yang dinamakan buaya julung-julung, landak dan burung yang dirampas
- Terdapat sembilan ekor tapir di pusat ini pada masa ini. Dua daripadanya adalah ibu dan anak. Si ibu yang dinamakan Mala berusia lapan tahun dengan berat 500 kilogram (kg) dan anaknya, Eli baru dua bulan dengan berat lebih 30kg
- Selain itu, terdapat pasangan tapir jantan dan betina yang dinamakan Junior dan Pradong. Laman web: <http://www.wildlife.gov.my>



DANNY

Spesies tapir Malaya sahaja yang berwarna hitam dan putih

DANA yang dikumpulkan oleh rangkaian farmasi terkenal, Watsons melalui kempen *We Hug Tapir* akan digunakan untuk membantu memupuk kesedaran tentang haiwan tersebut dalam kalangan generasi muda.

Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Ekopelancongan dan Konservasi Malaysia (Ecomy), Andrew Sebastian menjelaskan, dana daripada kempen itu bakal disalurkan untuk program pendidikan alam sekitar yang direka khas untuk murid sekolah di sekitar Taman Negara, Pahang yang merupakan 'rumah' tapir Malaya selain di Sungai Dusun, Selangor.

"Program itu menyasarkan untuk mendidik kanak-kanak terhadap haiwan yang lembut ini termasuk untuk melahirkan anak-anak muda yang akan menjadi wira konservasi dan menyampaikan mesej memelihara alam sekitar.

"Ia akan diadakan pada Sambutan Tapir Sedunia tahun depan sepertimana yang kita lakukan pada tahun ini dengan penglibatan 500 murid sekolah rendah dan menengah," katanya.

Ecomy merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang memberi fokus kepada kelestarian ekopelancongan dengan objektif memulihara habitat,



SEBASTIAN

tumbuh-tumbuhan dan hidupan liar unik di Malaysia.

Sebastian berkata, Malaysia merupakan antara negara yang kaya dengan biodiversiti dan ia satu kurniaan yang harus dihargai.

"Sudah tentu untuk memelihara dan memuliharanya ada cabarannya, tetapi melalui kempen ini kita meraikan peluang untuk melakukan usaha sama demi memuliharanya," katanya.

Sebastian menyifatkan tapir Malaya bukan sahaja terbesar berbanding tapir-tapir spesies lain

di dunia bahkan begitu istimewa.

"Tapir Malaya istimewa kerana hanya ia yang mempunyai warna putih dan hitam," ujarnya sambil memberitahu spesies-spesies yang lain ialah *Tapirus bairdii*, *Tapirus pinchaque*, *Tapirus kabomani* dan *Tapirus terrestris* yang habitatnya di sekitar benua Amerika.

Sebastian menerangkan, proses rehabilitasi atau pembiakan haiwan itu sebenarnya begitu kompleks.

"Proses pembiakan tapir suatu yang amat rumit kerana ia bergantung kepada situasi, kepakaran tertentu dan memerlukan kesabaran kerana tempoh buntingnya selama 13 bulan," katanya.